

SKA 301
PERKEMBANGAN KELUARGA MALAYSIA

TAJUK

PERKEMBANGAN DAN KESINAMBUNGAN
KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU

PENSYARAH

ENCIK NORHALIM BIN HAJI IBRAHIM

OLEH

AB.RAHIM BIN OTHMAN
RAHMAD BIN MUSA

39356
39959

[Bac. Pend. Bimbingan & Kaunseling]
KUMPULAN 45

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia
Serdang

10 Oktober, 1995

SKA 301
PERKEMBANGAN KELUARGA MALAYSIA

TAJUK

PERKEMBANGAN DAN KESINAMBUNGAN
KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU

PENSYARAH

ENCIK NORHALIM BIN HAJI IBRAHIM

OLEH

AB.RAHIM BIN OTHMAN
RAHMAD BIN MUSA

39356
39959

[Bac. Pend. Bimbingan & Kaunseling]
KUMPULAN 45

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia
Serdang

10 Oktober, 1995

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala pujian bagi Allah pencipta seluruh alam.

Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W

Bersyukur kami kehadiran Allah S.W.T atas limpah kurnia dan hidayah-Nya maka dapatlah kami menyiapkan kertas kerja ilmiah ini yang bertajuk **"Kesinambungan dan Perubahan Kekeluargaan Sesapan Batu Rembau"** bagi kursus SKA 301 [Perkembangan Keluarga Manusia].

Kesempatan ini juga kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada **Encik Norhalim bin Haji Ibrahim** selaku pensyarah SKA 301 yang telah banyak memberikan nasihat, pandangan, tinjau ajar serta bimbingan dari masa ke semasa kepada kami dalam usaha untuk menyiapkan kertas kerja ini. Di atas kerjasama dan panduan serta kesediaan Encik Norhalim meluangkan masa tanpa mengira waktu telah banyak membantu kami menulis kertas kerja ini dengan jayanya.

Sekalung penghormatan dan terima kasih juga diucapkan kepada Tuan Haji Sulaiman Isa [Datuk Empat] dan ketua-ketua suku, Tuan Haji Idris Ripin [Ketua Kampung] dan JKKK, Encik Daud Kassim [Ketua UMNO] dan AJK, Encik Mohamad Fauzi Daud [Ketua Pemuda UMNO] dan AJK, Puan Noraizan Ibrahim [Ketua Wanita UMNO] dan AJK, Tuan Haji Yusuf Samsuddin [Ketua Belia 4B] dan AJK, Encik Mokhtar Jalil [Nazir Masjid] dan AJK serta masyarakat Kampung Sesapan Batu Rembau amnya kerana telah banyak membantu kami mendapatkan maklumat serta memberi panduan kepada kami. Hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Prakata	i
Kandungan	ii
Biodata Kampung Sesapan Batu Rembau	iv
1.0 Bagaimana Kampung Sesapan Batu Rembau mendapat nama.	1
1.1 Pemilihan Nama Sesapan Batu Rembau	1
1.1.1 Versi Pertama	1
1.1.2 Versi Kedua	2
1.2 Pemilihan Nama Rembau	5
2.0 Punca-punca yang menolak masyarakat keluar dari Rembau.	6
2.1 Faktor-faktor yang menarik masyarakat berhijrah ke Sesapan Batu Rembau.	8
3.0 Sejarah pembukaan Sesapan Batu Rembau	10
3.1 Bila dibuka	10
3.2 Siapa yang membuka	10
3.3 Cara masyarakat datang ke Sesapan batu Rembau	11
4.0 Politik masyarakat Sesapan Batu Rembau	13
4.1 Datuk Empat dan peranannya	14
4.1.1 Pemilihan Datuk Empat	14
4.1.2 Bidang kuasa Datuk Empat	15
4.1.3 Peranan dan tugas Datuk Empat	16

5.0	Adat istiadat masyarakat Sesapan batu Rembau	27
5.1	Hutang darah dibayar darah	27
5.2	Adat perkahwinan	31
5.2.1	Adat merisik	31
5.2.2	Adat menghantar cincin tanya	34
5.2.3	Adat bertunang	40
5.2.3.1	Adat pantang larang semasa bertunang	42
5.2.4	Adat nikah kahwin	45
5.2.4.1	Keperluan wajib adat semasa upacara akad nikah.	45
5.2.4.2	Adat yang tidak wajib tetapi telah menjadi tradisi.	46
5.2.4.3	Adat nikah gantung atau nikah hukum	49
5.2.5	Adat Bersalah-salahan	52
5.2.5.1	Adat bersalah-salahan di luar rumah	53
5.2.5.2	Adat bersalah-salahan di dalam rumah	54
5.2.6	Prosedur hukuman bersalah-salahan	60
6.0	Sistem pentadbiran Kampung Sesapan Batu Rembau	62
6.1	Sejarah pentadbiran kampung	62
6.2	Suku-suku di Kampung Sesapan Batu Rembau	63
6.3	Carta Organisasi Adat Sesapan Batu Rembau	64
6.4	Organisasi-organisasi pentadbiran kampung	65
7.0	Rumah Kediaman dan perubahan	73
8.0	Perkembangan sistem ekonomi	74
9.0	Kesimpulan	78



Papan tanda menunjukkan alamat
Kampung Sesapan Batu Rembau dan
ucapan selamat datang.



Papan tanda menunjukkan alamat
Kampung Sesapan Batu Rembau dan
ucapan selamat datang.

BIODATA KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU

1. Nama kampung : Kampung Sesapan Batu Rembau
2. Pekan : Beranang
3. Daerah : Hulu Langat
4. Negeri : Selangor Darul Ehsan
5. Jumlah Rumah : 145 buah
6. Jarak kampung : 3.5 km
7. Asal Penduduk : Rembau, Negeri sembilan
8. Kedudukan : Sempadan antara Negeri Sembilan dengan Selangor
9. Pekerjaan Penduduk : Sektor kerajaan, swasta dan sendiri
10. Agama : 100% Islam
11. Adat : Pepatih [sistem kesukuan]
12. Kemudahan Asas : Lengkap
13. Kenderaan Penduduk : Kereta, motosikal dan basikal
14. Tempat Penduduk Berkumpul : - Masjid
- Surau
- Kedai kopi
- Balai raya
15. Bahasa Perantaraan : Dialek Negeri Sembilan

7.0 RUMAH KEDIAMAN DAN PERUBAHAN:

Sejak akhir-akhir ini didapati banyak perubahan telah berlaku keatas bentuk dan jenis rumah kediaman di kampung ini jika dibandingkan dengan rumah di sekitar tahun tujuh puluhan dahulu. Berdasarkan bancian yang telah dibuat hanya 6.2% rumah kediaman di kampung ini yang masih mengekalkan ciri-ciri lama iaitu diperbuat daripada kayu dan belum mengalami perubahan semenjak didirikan.

Terdapat 73.8% rumah lagi telah mengalami perubahan dimana separuh daripada bangunan rumah adalah bangunan lama dan separuh lagi adalah tambahan ataupun telah diubahsuai. Tambahan dan ubahsuai ini lebih memberi fokus kepada bahan binaan daripada batu dan simen. Sebahagian besar tambahan dan ubahsuaian ini banyak ditumpukan kepada bahagian dapur yang disertakan dengan tambahan beberapa buah bilik yang lantainya diperbuat daripada batu dan simen.

Jadi, keseluruhan rumah yang separuh batu dan separuh kayu ini mempunyai serambi yang berlantaikan kayu dan bahagian dapurnya berlantaikan simen.

Apa yang jelas perubahan mengenai rumah kediaman di kampung ini ialah, dari segi bentuknya. Suatu masa dahulu rumah di kampung ini diperbuat daripada kayu dan mempunyai bentuk atap yang bercirikan ciri-ciri rumah kediaman orang minangkabau. Tetapi rumah seumpama itu hanya tinggal sebuah sahaja dan telah mengalami perubahan dibahagian dapurnya.



Gambar di atas menunjukkan satu-satunya rumah tradisi yang masih terdapat di KSER



Gambar menunjukkan perubahan tempat kediaman kepada separuh batu dan separuh kayu.



Perubahan masyarakat dari masyarakat tradisonal kepada masyarakat industri menyebabkan masyarakat mengubah reka bentuk rumah daripada bentuk tradisi kepada bentuk moden.



Kedua-dua gambar ini menunjukkan perubahan kehidupan masyarakat KSER dari rumah kayu kepada kehidupan berumah batu.



**JADUAL BILANGAN RUMAH MENGIKUT JENIS RUMAH
KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU**

BIL	JENIS RUMAH	BILANGAN
1.	Rumah separuh batu dan kayu	107
2.	Rumah Batu	29
3.	Rumah Kayu	9

**JENIS-JENIS RUMAH MENGIKUT PECAHAN
KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU**

RUMAH KAYU 9 BUAH 6.2%
RUMAH BATU 29 BUAH 20%
RUMAH SEPARUH KAYU DAN BATU 107 BUAH 73.8%

Terdapat 20% rumah kediaman di kampung ini dikategorikan sebagai rumah batu kerana keseluruhan struktur binaannya iaitu dinding dan lantainya diperbuat daripada batu. Rumah batu ini adalah merupakan rumah baru dan didirikan di tapak yang baru dan bukannya tambahan atau menggantikan rumah yang asal.

Rumah jenis batu ini, mula di dirikan di kampung ini dalam tahunlapan puluhan, apabila beberapa orang anak jati kampung ini pulang selepas bersara dari perkhidmatan tentera. Hingga ke hari ini kebanyakan rumah baru yang didirikan diperbuat daripada batu.

8.0 PERKEMBANGAN SISTEM EKONOMI

Telah dinyatakan di awal perbincangan pembukaan kampung ini, adalah didapati sebahagian besar penduduk Sesapan Batu rembau adalah bekerja sebagai pelombong bijih timah dan juga sebagai petani di awal tahun 1900.

Namun begitu majoriti penduduk di sini adalah bekerja disektir pertanian sebagai petani di dalam bidang penorehan getah dan juga menanam padi.

Tetapi sejak akhir-akhir ini, amat sukar untuk mendapatkan masyarakat di kampung ini yang bekerja disektor pertanian. Hasil perkembangan ekonomi negara maka cara hidup dan kegiatan ekonomi masyarakat kampung juga turut berubah.

Perkembangan hari ini menunjukkan amat sukar untuk melihat anak-anak jati keluaran kampung ini yang memilih sektor atau agensi kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan sama ada mereka yang mempunyai sijil, diploma ataupun ijazah. Apa yang mereka buru sekarang ini ialah usaha untuk mendapatkan peluang dan jaminan pulangan yang terbaik dipihak swasta terutamanya dalam bidang perindustrian.

Buat masa ini tidak terdapat penambahan bilangan penduduk kampung ini yang memilih kerjaya disektor kerajaan. Bilangan yang ada hari ini adalah mereka yang telah memasuki sektor kerajaan lebih daripada sepuluh tahun yang lalu, iaitu di masa negara belum berkembang dari segi perindustrian. Mengikut bancian bilangan kakitangan kerajaan dari kampung ini, ianya semakin berkurangan kerana bersara, bersara awal dan berhenti.

**JADUAL ALIRAN PEKERJAAN PENDUDUK
KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU**

BIL	SEKTOR	JAWATAN
1	KERAJAAN	- Pengarah - Jurutera - Akauntan - Pensyarah - Guru - Juruteknik - Pembantu Tadbir - Pekerja Am - Polis - Tentera
2	SWASTA	- Pengurus kilang - Penyelia kilang - Akauntan - Pegawai bank - Buruh ladang - Operator pengeluaran - Pengawal keselamatan - Pemandu
3	KERJA SENDIRI	- Penoreh getah - Menanam padi - Kebun pisang - Perusahaan serai - Ternakan ikan - Ternakan lembu - Ternakan kambing - Ternakan ayam - Berniaga



Gambar menunjukkan tanah sawah sedang dibajak untuk memulakan musim menanam padi yang baru.



Kelihatan Datuk Empat sedang bergambar di kolam menternak ikan sembilang yang sedang diusahakannya.



Perkembangan ekonomi menunjukkan industri kecil muncul bagaikan cendawan tumbuh.



Gambar menunjukkan kemudahan rumah yang disediakan untuk pekerja yang bekerja disektor perindustrian

PECAHAN PILIHAN PEKERJAAN MENGIKUT SEKTOR

KERJA SENDIRI 15%	SEKTOR KERAJAAN 25%	SEKTOR SWASTA 60%
----------------------	------------------------	----------------------

9.0 KESIMPULAN

Apa yang wujud di Kampung Sesapan Batu Rembau pada hari ini adalah merupakan kesinambungan daripada warisan masyarakat Rembau, Negeri Sembilan. Sejarah lampau dan hari ini telah menunjukkan bahawa masyarakat warisan budaya Minangkabau ini telah mengalami proses perubahan sama ada dari segi adat, budaya, ekonomi, politik ataupun sistem sosial masyarakat.

Meskipun dari segi adat banyak perubahan telah berlaku, namun dari segi perlaksanaannya, sekiranya adat itu ingin dijunjung dan dilaksanakan maka adat tetap menjadi pegangan masyarakat kampung ini. Kehidupan masyarakat yang mengalami perubahan perkembangan ekonomi dan sistem pendidikan menyebabkan pelaksanaan dan pegangan adat telah diubah suai mengikut kesesuaian masa.

Perubahan adat pada hari ini lebih bersifat positif ke arah pembangunan masyarakat. Masyarakat kampung ini lebih bersikap terbuka seiring dengan kemajuan yang mereka capai. Namun begitu adat yang mendatangkan faedah dan bersesuaian dengan norma-norma hidup bermasyarakat dan agama tetap disanjung dan dikekalkan. Sesungguhnya bidalan yang menyatakan "*Biar mati anak jangan mati adat*" dapat di praktikkan di dalam masyarakat secara berterusan. Biar zaman terus berlalu dan masyarakat silih berganti, namun adat terus dikekalkan.

Jika dibandingkan kehidupan masyarakat kampung ini dengan masyarakat asal mereka di Rembau, Negeri Sembilan, sesungguhnya masyarakat asal mereka juga telah mengalami banyak perubahan selari dengan perkembangan kemajuan ekonomi, politik, dan sistem sosial masyarakat.

Saya percaya bahawa pegangan bidalan masyarakat yang menyatakan "*Tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas*" akan kekal mewarnai adat budaya dan kehidupan masyarakat Kampung Sesapan Batu Rembau. Sesungguhnya kehidupan masyarakat Kampung Sesapan Batu Rembau yang dapat mengekalkan adat budaya warisan mereka adalah sesuatu yang unik dan mengagumkan.